

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN CHN,
 PEWANGKU PERDANA MENTERI DI MAJLIS
 JAJUAN ULANGTAHUN KE-10 BANK
 BUMIPUTRA MALAYSIA DI HOTEL HILTON,
 KUALA LUMPUR PADA 1918 DISEMBER, 1975
 JAM 8.30 MALAM

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri
Razaleigh Hanzah,
Pengerusi dan Pengerah Urusan Bank
Bumiputra,

Y.B. Menteri-Menteri

Ahli-Ahli Lembaga Pengerah,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Saya dan isteri sungguh merasa sukacita dan megah hati kerana dapat bersama-sama hadir di Majlis Jamuan Makan Malam bagi merayakan Ulangtahun ke-10 Bank Bumiputra Malaysia. Bagi pihak isteri dan saya sendiri, saya sukalah mengucapkan terimakasih atas jemputan ini kerana disamping dapat menikmati jamuan yang lazat ini, saya juga diberi peluang memberikan sepatah dua kata di Majlis yang permai ini.

1a. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah diundang sebagai tetamu Kehormat dan dijadual hadir di Majlis pada malam ini. Tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan beliau tidak dapat bersama-sama dengan kita dan sebagai menggantikan tempatnya saya terpaksa juga berucap di Majlis ini.

2. Saya menganggap Jamuan Ulangtahun ke-10 Bank Bumiputra ini sebagai satu detik bersejarah untuk meninjau kebelakang serta mengkaji dan memandang ke masa hadapan Bank ini dengan lebih teliti lagi. Jika dibanding dengan bank-bank asing, Bank Bumiputra adalah masih muda, tetapi kematangannya untuk memenuhi aspirasi-aspirasi nasional setakat ini adalah jelas. Bank Bumiputra telah ujud dan berkembang setanding

dengan bank-bank lain di negara ini. Saya katakan Majlis Ulangtahun ke-10 ini sebagai peristiwa bersejarah kerana dari sekarang kita perlu bertindak dengan lebih upaya dan giat lagi untuk memajukan perusahaan dan perniagaan Bumiputra dalam pembangunan ekonomi negara untuk mencapai objektif-objektif rancangan pembangunan Kerajaan.

3. Saya suka mengambil kesempatan di Majlis yang mulia ini mengucapkan tahniah kepada ahli Lembaga Pengarah, khususnya Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, selaku Pengerusinya, ahli-ahli Jawatankuasa Pengurus dan semua peringkat kakitangan Bank Bumiputra ini atas usaha dan dedikasi mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang berat sehingga

menbolehkan Bank ini menjadi sebuah Bank yang benar-benar terkenal dan kukuh.

Saya penuh yakin dengan adanya semangat pengorbanan yang ditunjukkan oleh semua pihak, Bank Bumiputra akan menjadi lebih maju dan terkemuka terutama dalam bidang membantu kaum Bumiputra menyertai lapangan perusahaan dan perniagaan.

4. Saya sendiri sentiasa mengikuti kemajuan dan perkembangan Bank ini. Kemajuan fizikal dari segi rancangan-rancangan pembangunan bank adalah memuaskan. Penubuhan Unit Khas Bumiputra di cawangan-cawangan dan di Ibu Pejabat telahpun memberikan bimbingan yang berguna kepada kaum Bumiputra yang hendak meminjam wang untuk berkecimpung dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

Saya juga difahankan Bank ini telahpun mempunyai Pegawai-Pegawai Kredit yang khas yang kerjanya khusus untuk melayan pemohon pinjaman. Mereka ini selain dari bekerja di pejabat, melawat ketempat-tempat dimana sesuatu projek itu akan dijalankan untuk menyiasat dengan teliti masalah yang mungkin dihadapi dan seterusnya memberi nasihat kepada pelanggan-pelanggan itu. Setelah pinjaman diberi, mereka terus juga melawat ke projek itu untuk menentukan kejayaannya. Pada hemat saya, bimbingan seperti ini adalah sangat berguna kepada kaum Bumiputra yang baru sahaja berkecimpung dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

5. Saya difahankan bahawa Bank Negara telah mengeluarkan supaya bank di Malaysia menubuhkan Yunit Khas Bumiputra dengan tujuan menggalakkan lebih ramai lagi kaum Bumiputra mendapatkan khidmat yang berfaedah ini.

6. Saya harap bank-bank yang belum lagi menubuhkan Yunit Khas ini segera membuat demikian sementara yang telah menwujudkan haruslah memperluas dan mempergiatkan perkhidmatan di bidang tersebut. Ini satu langkah yang efektif untuk menolong kaum bumiputra mendapatkan pinjaman mengendali seterusnya menjayakan usaha-usaha projek mereka itu. Pegawai-pegawai dan kakitangan Bank haruslah memberi bantuan dan kerjasama dalam usaha kerajaan hendak menggalakkan kaum Bumiputra bergiat dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

GA. Saya sukalah menekan di sini bahawa adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap orang yang telah diberikan kepercayaan mendapat pinjaman bank membayar balik wang pinjamannya itu sebagaimana yang ditentukan. Kaum Bumiputra yang mengelakan diri dari menunaikan tanggungjawab ini bukan sahaja akan mencemarkan nama bank kaumnya sendiri tetapi juga menimbulkan kecurigaan di kalangan bank-bank terhadap kejujuran pemohon-pinjaman yang akan datang. Dengan menatuhai syarat-syarat bayaran balik kepada bank, kita dengan tidak secara langsung membantu usaha kerajaan memajukan kaum Bumiputra dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

Saudara-saudara sekalian,

GB. Perkembangan dari segi simpanan menunjukkan keyakinan pihak awam terhadap Bank Bumiputra, manakala perkembangan pinjaman dan pendahuluan menunjukkan kepercayaan bank ini untuk membantu mengatasi masalah kekurangan modal di kalangan pengusaha dan peniaga Bumiputra. Saya difahankan pada masa sekarang ini Bank Bumiputra menduduki tempat kedua dari segi banyaknya pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan dibawah Sekie Jaminan Kredit. Sunggubpun usianya baru genap 10 tahun sahaja. Saya harap bank ini akan dapat menambahkan usaha dan kegiatannya semenangi tempat pertama tahun hadapan.

60. Pada hemet saya tidaklah
keterlaluan bagi saya merakamkan
pujian kepada Chartered Bank, salah
sebuah bank asing yang terkenal dan
tertua di negara kita, yang telah
mengeluarkan pinjaman yang terbanyak
sekali dibawah Skie Jaminan Kredit.

60. Pada hemat saya tidaklah keterlaluan bagi saya merakamkan pujian kepada Chartered Bank, salah sebuah bank asing yang terkenal dan tertua di negara kita, yang telah mengeluarkan pinjaman yang terbanyak sekali dibawah Skis Jaminan Kredit. Satu lagi aspek dimana Chartered Bank mendahului lain-lain Bank ialah mengenai kemudahan 'Rural Loan' kepada seramai 8,000 orang petani di Utara Semenanjung Malaysia. Pinjaman sebanyak \$1,500 hingga \$2,000 bagi seorang petani adalah dikeluarkan tanpa sebarang cagaran bagi membolehkan petani-petani ini memajukan bendang mereka. Saya berharap bank-bank lain termasuklah Bank Bumiputra juga harus mencontohi inisiatif Chartered Bank ini.

7. Sungguhpun pada keseluruhannya Bank Bumiputra telah mencapai kejayaan, tetapi saya berharap pada masa akan datang Bank ini akan dapat memberi pertolongan yang lebih, dari segi apa juaupun, kepada kaum Bumiputra. Dengan cara ini Bank Bumiputra dapat menolong Kerajaan di dalam mencapainya matlamat Dasar Ekonomi Baru, terutamanya untuk merapatkan penyertaan kaum Bumiputra di dalam perniagaan dan perusahaan. Di samping itu saya juga berharap Bank Bumiputra akan dapat memainkan peranan yang lebih penting sebagai satu institusi yang memberi latihan kepada pekerja-pekerja Bumiputra, khasnya di dalam bidang perniagaan dan pengurusan bank. Berkaitan dengan perkara-perkara yang baharu sahaja saya sebutkan, perlu ditegaskan disini bahawa

Bank Bumiputra adalah satu daripada beberapa institusi yang ditubuhkan khusus bagi menolong kerajaan di dalam mencapai matlamat pembangunannya.


8. Sebagaimana kita sedia maklum Bumiputra telah ditubuhkan beraskan satu resolusi yang diluluskan oleh Kongres Ekonomi Bumiputra Malaysia yang berbunyi seperti berikut:-

"Hendaklah Kerajaan Malaysia menubuhkan suatu Bank Bumiputra Malaysia, sebagai satu bank perniagaan biasa, dengan modalnya disediakan oleh Kerajaan dan pada akhirnya hak milik bank ini diserahkan kepada kaum Bumiputra dengan cara menjual saham-sahamnya."

10A. Bank-Bank juga patut mengadakan khidmat-khidmat nasihat kepada pelanggan mereka samada pelanggan baru atau lama, mengenai dengan perusahaan dan kewangan. Ini bermakna bank-bank dikehendaki mendampingi masyarakat keseluruhannya, dan bukan sahaja pelanggan-pelanggan lama mereka. Dalam semua bidang ini, saya berharap Bank Bumiputra akan menjadi petunjuk kepada bank-bank yang lain.

11. Saya sedar Bank Bumiputra mempunyai tanggungjawab yang berat dalam bidang pernodenan masyarakat Bumiputra. Saya penuh yakin dengan ketabahan hati, semangat pengorbanan dan dedikasi oleh semua pegawai dan kakitangan, tanggungjawab ini dapat dijayakan bersama.

12. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terimakasih atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya malam ini. Saya mendoakan supaya segala cita-cita suci Bank Bumiputra Malaysia akan berhasil dan mendapat kejayaan sepenuhnya. Selamat maju-jaya dan terimakasih.





No. Siri	161
No. Penerimaan	23/79